


JAMUAN TEH BOSTON, 13 TANAH JAJAHAN BRITISH DI AMERIKA DAN BILL OF RIGHTS

JAMUAN TEH BOSTON



Peristiwa Jamuan Teh Boston.

Sumber: Khasnor Johan, et al., 1996. *Sejarah Peradaban Dunia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.



Jamuan Teh Boston merujuk peristiwa penentangan orang Amerika terhadap cukai dan monopoli British dalam perdagangan teh di Amerika. Mereka bertindak membuang kotak-kotak berisi teh ke laut dari kapal British yang berlabuh di pelabuhan Boston, Amerika. Tindak balas British terhadap peristiwa tersebut mencetuskan Revolusi Amerika.

Tiga Belas Tanah Jajahan British di Amerika

Tanah jajahan British di Amerika Utara dikenali sebagai Amerika British dari tahun 1607 hingga tahun 1783. Tiga Belas Tanah Jajahan British yang terletak di sepanjang pesisir Atlantik mengisytiharkan kemerdekaan dan membentuk Amerika Syarikat pada tahun 1784, selepas Perang Kemerdekaan Amerika.

Tiga Belas Tanah Jajahan British di Amerika Utara

1. Virginia
2. Massachusetts
3. New Hampshire
4. Maryland
5. Connecticut
6. Rhode Island
7. Delaware
8. Carolina Utara
9. Carolina Selatan
10. New York
11. New Jersey
12. Pennsylvania
13. Georgia



Peta menunjukkan 13 tanah jajahan British di Amerika Utara pada tahun 1776.

Bill of Rights

Bill of Rights ditandatangani oleh William of Orange dan Mary II yang menjadi pemerintah di England selepas penggulingan Raja James II. Bill of Rights dijadikan undang-undang pada tahun 1689.

Secara umumnya, Bill of Rights mengehadkan kuasa monarki, meningkatkan status parlimen dan menggariskan hak individu tertentu.

Beberapa kebebasan dan konsep utama yang dibentangkan dalam Bill of Rights seperti yang berikut:

- Kebebasan memilih anggota parlimen tanpa campur tangan raja atau ratu.
- Kebebasan bersuara di parlimen.
- Kebebasan daripada campur tangan raja dengan undang-undang (raja dilarang menubuhkan mahkamah sendiri atau bertindak sebagai hakim sendiri).
- Kebebasan untuk menghantar petisyen kepada raja.
- Kebebasan menggunakan senjata untuk mempertahankan diri seperti yang dibenarkan dalam undang-undang.
- Kebebasan daripada hukuman yang kejam dan luar biasa serta ikat jamin yang berlebihan.
- Kebebasan daripada cukai khas diraja tanpa persetujuan parlimen.
- Kebebasan denda dan penyitaan tanpa perbicaraan.
- Kebebasan daripada penjagaan tentera ketika aman dan tanpa persetujuan parlimen.